Universiti Teknologi MARA
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026



Akreditasi

Sesi Lawatan Penilaian Penuh
Pusat Verifikasi Kualiti (QVC)
UiTM Oleh MQA

Pengurusan Kualiti

Audit Surveillance 1 (SV1)
ISO 9001:2015

Inovasi dan Pengembangan Ilmu

Inovasi Specifill Serlah Dalam Podcast Exellens, Kumpulan Luminous Cetus Inspirasi Ke Arah Kejuaraan

eISSN 2976-2596
9772976259003

Taklimat Pelaksanaan Kecemerlangan Operasi (OE) 2026

Mariani Ali

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan memantapkan budaya kualiti dalam kalangan warga Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Pelaksanaan Kecemerlangan Operasi (OE) 2026 pada 12 Februari 2026 (Khamis), yang dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian menerusi platform Google Meet. Program ini telah mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan seramai 150 peserta yang mewakili pelbagai peringkat dan bahagian di seluruh universiti.

Taklimat ini dianjurkan sebagai wahana perkongsian ilmu dan panduan berkaitan pelaksanaan serta pelaporan penulisan Kecemerlangan Operasi bagi tahun 2026, sekali gus mencerminkan komitmen InQKA dalam menyelaraskan kefahaman kolektif warga universiti terhadap agenda kecemerlangan operasi yang digariskan pada peringkat institusi. Inisiatif sedemikian dilihat penting bagi memastikan keseragaman pendekatan dan interpretasi dalam pelaksanaan OE di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ).

> Kecemerlangan bukanlah pencapaian pada satu-satu tempoh sahaja, tetapi merupakan proses berterusan yang menuntut komitmen, pemahaman, serta penambahbaikan yang konsisten.

Ucapan Aluan & Sesi Utama

Program dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Profesor Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA, yang turut menekankan kepentingan penglibatan menyeluruh warga universiti dalam menghayati semangat kecemerlangan operasi sebagai teras budaya kerja.

Sesi utama taklimat kemudiannya disampaikan oleh Puan Norina Ahmad Jamil, Koordinator Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA, yang menghuraikan secara terperinci prosedur pelaksanaan dan penulisan pelaporan OE 2026 menerusi penggunaan sistem *Online Process Improvement Register (OPIR)* — suatu platform digital yang dibangunkan bagi mempermudah proses dokumentasi dan pemantauan inisiatif penambahbaikan proses di peringkat universiti.

Komunikasi Dua Hala Menerusi Sesi Soal Jawab

Bagi memperkukuh keberkesanan penyampaian, program turut disertakan dengan sesi soal jawab yang memberi ruang kepada peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut berhubung isu dan persoalan yang berbangkit sepanjang taklimat. Kewujudan ruang interaksi sedemikian bukan sahaja memperlihatkan pendekatan komunikasi dua hala yang efektif, malah turut menjadi mekanisme penting dalam memastikan maklumat berkaitan pelaksanaan OE dapat difahami secara menyeluruh dan tepat oleh semua pihak yang terlibat.

Interaksi langsung ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesediaan dan keyakinan peserta dalam melaksanakan agenda Kecemerlangan Operasi 2026 di peringkat masing-masing.

Kecemerlangan Sebagai Proses Berterusan

Sesungguhnya, dalam konteks pengurusan kualiti kontemporari, kecemerlangan tidak wajar difahami semata-mata sebagai pencapaian pada suatu tempoh tertentu, sebaliknya perlu dilihat sebagai satu proses berterusan yang menuntut komitmen jitu, pemahaman mendalam, serta budaya penambahbaikan yang konsisten dan berkesinambungan.

Falsafah inilah yang menjadi asas kepada pelaksanaan OE, selari dengan prinsip kualiti sejagat yang menekankan penambahbaikan berterusan *(continuous improvement)* sebagai nadi kepada kelestarian organisasi.

Justeru, pelaksanaan OE 2026 dilihat sebagai lanjutan usaha strategik InQKA dalam membuka lebih banyak ruang kepada warga UiTM untuk memperkukuh amalan kerja, memupuk budaya inovasi, serta menyokong aspirasi kecemerlangan operasi secara holistik dan berterusan. Diharapkan perkongsian ilmu yang dilaksanakan menerusi taklimat ini akan menjadi asas kukuh kepada pelaksanaan inisiatif kecemerlangan operasi yang lebih sistematik, terancang dan berfokus, seterusnya menyumbang kepada pencapaian aspirasi kualiti UiTM secara keseluruhannya.

Taklimat Panel Penilai Kecemerlangan Operasi (OE2025)

Mariani Ali

Taklimat Panel Penilai Kecemerlangan Operasi (OE2025) UiTM telah diadakan pada 25 Februari 2026 melalui platform Google Meet. Sesi taklimat ini disampaikan oleh YBrs. Profesor Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA.

Bagi memastikan penilaian dilaksanakan secara professional dan berdasarkan piawaian yang ditetapkan, seramai sepuluh (10) orang panel penilai daripada pelbagai bidang dan kepakaran telah dilantik. Panel-panel ini dipertanggungjawabkan untuk menilai proses kerja yang layak berdasarkan rubrik penilaian yang telah ditetapkan.

Penilaian OE2025 melibatkan lima puluh dua (52) proses kerja yang lengkap dan melepasi peringkat saringan dalam *Online Process Improvement Register System (OPIR)*. Proses kerja tersebut merangkumi pelbagai bidang, termasuk pentadbiran, akademik dan kewangan. Kepelbagaian proses ini mencerminkan usaha penambahbaikan operasi yang menyeluruh, merangkumi pelbagai fungsi dalam ekosistem UiTM.

Sesi taklimat kepada panel penilai memainkan peranan penting dalam menyelaraskan kefahaman berkaitan skop penilaian, kaedah pemarkahan serta penggunaan maklumat yang direkodkan dalam OPIR. Penyelarasan ini bertujuan memastikan setiap penilaian dilaksanakan secara tepat, konsisten dan berpandukan bukti penambahbaikan yang dikemukakan oleh pemilik proses.

Penilaian OE2025 melalui Online Process Improvement Register System (OPIR) memberi tumpuan kepada dua aspek utama, iaitu memastikan proses kerja yang telah ditambah baik memenuhi kriteria dan piawaian penilaian yang ditetapkan, serta menilai keberkesanan penambahbaikan yang dilaksanakan secara objektif dan menyeluruh. Pendekatan ini menekankan kepentingan dokumentasi yang sistematik bagi membolehkan impak dan manfaat penambahbaikan dikenal pasti serta dinilai secara lebih berstruktur.

Selain berperanan dalam pemberian markah, panel penilai turut menyumbang kepada usaha memastikan amalan penambahbaikan operasi dinilai secara adil, telus dan selaras dengan standard yang telah ditetapkan. Dalam konteks ini, proses penilaian merupakan sebahagian daripada inisiatif InQKA untuk memperkukuh budaya kecemerlangan operasi dan penambahbaikan berterusan dalam kalangan warga UiTM.

Kesimpulannya, Taklimat Panel Penilai OE2025 menjadi landasan penting dalam memastikan penilaian penambahbaikan proses kerja melalui OPIR dilaksanakan secara terancang, sistematik dan berintegriti. Pendekatan ini selari dengan aspirasi InQKA untuk membudayakan penambahbaikan berterusan serta memperkukuh kecemerlangan operasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti di Universiti Teknologi MARA (UiTM).



Universiti Teknologi MARA | Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu

KUALITI

Edisi Januari - Jun 2026

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

Alamat:
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Kompleks Al-Farabi,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam, Selangor

Universiti Unggul Pemacu Bumiputera Profesional | UiTM di hatiku | اوسها تقوى مولينا | @inqkauitm

eISSN 2976-2596